



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 27 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FARMERS HAVE RIGHT TO PROTEST, SAYS MAT SABU, NATION, THE STAR -1	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	HARGA BELIAN PADI: KPKM TERBUKA BERHUBUNG TUNTUTAN PESAWAH, BERNAMA -ONLINE	
3.	HARGA BELIAN PADI: KPKM TERBUKA BERHUBUNG TUNTUTAN PESAWAH, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
4.	HAK PESAWAH KE PUTRAJAYA ESOK -MAT SABU, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
5.	PESAWAH DIMINTA SERAH TUNTUTAN SECARA TERTIB, HORMATI LAWATAN TETAMU NEGARA -PM ANWAR, THE RAKYAT INSIGHT -ONLINE	
6.	KERAJAAN TERBUKA TERIMA CADANGAN PESAWAH TINGKAT HARGA PADI, NASIONAL, SH -9	
7.	DASAR BERAS NEGARA SUDAH LAPUK, DALAM NEGERI, UM -4	
8.	PESAWAH RAYU CAMPUR TANGAN PM SELESAI HARGA PADI, DALAM NEGERI, UM -4	
9.	TUBUH JAWATANKUASA KHAS PANTAU KILANG PADI, DALAM NEGERI, UM -4	
10.	TRANSFORMASI PERKASA PESAWAH, PASTIKAN KETERJAMINAN MAKANAN, RENCANA, BH -12	
11.	BONGKAR TAKTIK PINDAH LEMBU GUNA FLOAT KUDA, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
12.	ADUAN RAKYAT: PREMIS AYAM SEBABKAN KACAU GANGGU LALAT DISITA, BULETIN TV3 -ONLINE	
13.	KERANG TERDAMPAR BUKAN PETANDA BENCANA, SELAMAT DIMAKAN, BERITA RTM -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	KERANG TERDAMPAR SELAMAT DIMAKAN, NASIONAL, BH -16	
15.	KERANG TERDAMPAR BUKAN PETANDA BENCANA, NEGARA, KOSMO -15	
16.	KERANG TERDAMPAR DI PANTAI BUKAN PETANDA BENCANA BAKAL BERLAKU, DALAM NEGERI, UM -14	
17.	KERANG TERDAMPAR BUKAN PETANDA BENCANA :PAKAR, LOKAL, HM -19	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



One for the album:

Amanah leaders, led by Mohamad and Dzulkefly, posing with delegates on stage after the party convention at a hotel in Klang. — YAP CHEE HONG/The Star

Farmers have right to protest, says Mat Sabu

By ZAKIAH KOYA
zakiah@thestar.com.my

KLANG: Farmers have a right to protest against padi prices and a proposed new law, and the government will make an announcement on the issue soon, says the Agriculture and Food Security Minister.

Datuk Seri Mohamad Sabu said padi farmers could send a memorandum to the Prime Minister on the prices and proposed Crop Seed Quality Bill.

Some 1,000 padi farmers are expected to gather in Putrajaya today for the purpose.

"That is the right of the padi farmers but we will follow up with intensive discussions with all stakeholders and present it at the coming Parliament meeting.

"We will be making some announcements (on padi) in

Parliament after the engagement between various departments in the ministry and Bernas," he told reporters at the close of the Parti Amanah Nasional Convention 2024 held here yesterday.

The Malaysia Padi Farmers Brotherhood Association (PeSawah) will hand a memorandum to Datuk Seri Anwar Ibrahim concerning the price of padi and on the Bill.

In a statement yesterday, PeSawah said it opposed the floor price policy for padi which it claimed did not ensure fair income to farmers.

It also said the Bill restricted the farmers' freedom to store, share and sell seeds, adding that it would also increase the cost of planting padi seeds.

Earlier in his speech, Mohamad, who is the Amanah president, said it was not easy to balance

between staying in government and holding on to the principles of the party.

"Every ministry has its own problem in pushing its agenda. In Malaysia, food security is guaranteed. Being the son of a padi farmer, the issue of padi and farmers will always be a priority to me," he said.

Mohamad said if people were not happy, they could criticise the leaders but not slander them.

On the party's electoral prospects, he said he was sure that Amanah would be able to win more seats, namely in Kelantan. Amanah now holds 11 parliamentary seats.

"It is difficult for Amanah in states controlled by PAS but I am sure if we work together in the next general election, Amanah can win more seats in Kelantan. "Even though Amanah is facing

upheavals in Kelantan, I am sure we will come together during the next general election," he said.

Amanah vice-president Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, who is the Health Minister, said he had also been criticised but asked that he be judged by his actions.

Displaying slides on his ministry initiatives, he said reforming the financial management and digitalisation of the ministry was a priority.

Two other vice-presidents, Dr Mariah Mahmud suggested that those who condemned the party on social media should have their membership revoked immediately, while Datuk Mahfiz Omar said members must stop being "lazy and spoiled" in order for the party to move forward.

About 800 delegates attended the event, which was put off last month due to floods.



Malay

taip untuk carian



AM > BERITA

Harga Belian Padi: KPKM Terbuka Berhubung Tuntutan Pesawah

🕒 26/01/2025 07:25 PM



KLANG, 26 Jan (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terbuka dan tidak menghalang mana-mana kumpulan pesawah untuk menyerahkan memorandum berhubung tuntutan menaikkan harga lantai belian padi, kata Menteri Datuk Seri Mohamad Sabu.

"Itu hak mereka (pesawah) untuk menghantar memorandum dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas Konvensyen Nasional Amanah 2024 di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas dakwaan mengenai rancangan sekumpulan pesawah untuk berhimpun di Putrajaya esok berhubung isu harga lantai belian padi.




berkepentingan sebelum membuat sebarang pengumuman berhubung isu padi.

"Dijangka pada sidang Parlimen akan datang kita akan buat beberapa pengumuman. (Persediaan) pengumuman itu sedang dilaksanakan di beberapa bahagian dalam kementerian termasuk dengan Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) untuk kita buat pembaikan dan peningkatan," katanya.

Semalam, Mohamad berkata kerajaan sedang mengenal pasti situasi menang-menang melibatkan semua pihak berkepentingan dalam isu bekalan beras putih tempatan serta harga belian padi.

Beliau berkata pihaknya memerlukan sedikit masa lagi untuk melakukan libat urus dengan teliti sebelum satu penyelesaian tuntas dapat diumumkan.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2025	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Harga belian padi: KPKM terbuka berhubung tuntutan pesawah



KLANG: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terbuka dan tidak menghalang mana-mana kumpulan pesawah untuk menyerahkan memorandum berhubung tuntutan menaikkan harga lantai belian padi, kata Menteri Datuk Seri Mohamad Sabu.

"Itu hak mereka (pesawah) untuk menghantar memorandum dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas

Konvensyen Nasional Amanah 2024 di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas dakwaan mengenai rancangan sekumpulan pesawah untuk berhimpun di Putrajaya esok berhubung isu harga lantai belian padi.

Sementara itu, Mohamad berkata KPKM akan mengadakan perbincangan secara intensif dengan semua pihak berkepentingan sebelum membuat sebarang pengumuman berhubung isu padi.

"Dijangka pada sidang Parlimen akan datang kita akan buat beberapa pengumuman. (Persediaan) pengumuman itu sedang dilaksanakan di beberapa bahagian dalam kementerian termasuk dengan Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) untuk kita buat pembaikan dan peningkatan," katanya.

Semalam, Mohamad berkata kerajaan sedang mengenal pasti situasi menang-menang melibatkan semua pihak berkepentingan dalam isu bekalan beras putih tempatan serta harga belian padi.

Beliau berkata pihaknya memerlukan sedikit masa lagi untuk melakukan libat urus dengan teliti sebelum satu penyelesaian tuntas dapat diumumkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2025	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Hak pesawah ke Putrajaya esok – Mat Sabu



Presiden Parti Amanah Negara, Datuk Seri Mohamad Sabu berucap pada ucapan penggulungan Konvensyen Nasional 2024 Parti Amanah Negara (AMANAH) di KSL Esplanade, Klang, Selangor. Foto AIZAT ZAINAL, 26 JANUARI 2025.

KLANG – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu tidak menghalang tindakan kumpulan pesawah yang ingin ke Putrajaya

esok.

Katanya, kementerian itu terbuka dengan kritikan dan sentiasa bersedia untuk membuat penambahbaikan selaras dengan perbincangan dengan semua pihak secara konsisten.

“Tidak apa itu hak mereka untuk hantar memorandum dan sebagainya dan kita akan ikuti dengan perbincangan-perbincangan secara intensif dengan semua pihak, hingga sidang Parlimen akan datang kita akan buat beberapa pengumuman,” katanya ketika ditemui selepas Konvensyen Nasional Parti Amanah Negara (Amanah), di sini.

Difahamkan seramai 1,000 pesawah akan berkumpul di hadapan Pejabat Perdana Menteri (PMO) esok menuntut supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim campur tangan menaikkan harga lantai padi.

Dalam masa yang sama, kumpulan tersebut dikatakan akan menggesa kerajaan tidak meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Benih Tanaman.

Semalam Mohamad berkata, kerajaan kini sedang mengenal pasti situasi menang-menang membabitkan semua pihak berhubung isu bekalan beras putih tempatan dan harga belian padi.

Ujarnya, beliau akan menjawab semua isu berkaitan pada sesi sidang Parlimen akan datang.

Mengulas lanjut katanya, pada sidang akan datang kementerian akan membuat beberapa pengumuman.

“Pengaroh bahagian padi dan Ketua Setiausaha sedang berbincang termasuk dengan Bernas dan sebagainya untuk kita buat beberapa penambahbaikan dan peningkatan,” katanya lagi.- MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2025	THE RAKYAT INSIGHT	ONLINE	

Pesawah Diminta Serah Tuntutan Secara Tertib, Hormati Lawatan Tetamu Negara – PM Anwar

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta pesawah yang merancang untuk berhimpun di Putrajaya agar memastikan keharmonian terjaga, khususnya ketika negara menerima kunjungan rasmi Presiden Indonesia, Prabowo Subianto.

Walau bagaimanapun, beliau turut menggesa agar sebarang tuntutan dan pertemuan dirancang dengan masa yang sesuai tanpa mengganggu acara rasmi kerajaan.

Ketika ditemui selepas menghadiri kuliah khas Profesor Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) malam ini, Perdana Menteri menyatakan kesediaannya untuk mendengar dan menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh pesawah. Beliau turut menyarankan agar memorandum diserahkan secara tertib kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu.

“Saya menyeru kepada pesawah yang hadir, jika ada isu yang perlu diketengahkan, saya sedia menghubungi Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Saudara Mohamad Sabu, untuk mendengar, menerima memorandum, dan menguruskan tuntutan tersebut. Tetapi, elakkan daripada mengganggu majlis rasmi negara yang melibatkan negara sahabat,” katanya.

Tegasnya lagi, beliau telah meminta pihak keselamatan untuk membantu mengawal keadaan. “Saya harap kita dapat mengelakkan sebarang gangguan. Jika ingin bertemu atau mengadakan perhimpunan aman, silakan, tetapi jangan ambil kesempatan untuk mengganggu perjalanan majlis rasmi negara,” tambah beliau.

Sebelum itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) memohon supaya penyerahan memorandum yang melibatkan 1,000 pesawah di Putrajaya esok ditunda ke tarikh lain susulan lawatan Presiden Indonesia ke negara ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata pihaknya menghormati hasrat pesawah yang ingin mengunjungi Pejabat Perdana Menteri (PMO). Namun, tarikh tersebut bertindih dengan jadual lawatan rasmi pemimpin Indonesia itu.

“PDRM menerima maklumat berkaitan kunjungan 1,000 pesawah ke Putrajaya pada pukul 10 pagi esok di hadapan PMO. Namun, tarikh dan waktu itu bertindih dengan lawatan rasmi Presiden Prabowo ke Malaysia, khususnya di Putrajaya.

“PDRM menghormati hasrat peserta kunjungan tersebut, namun menasihatkan mereka memilih tarikh berlainan bagi memastikan penyelarasan tugas dan keselamatan yang lebih baik,” jelas beliau.

Sementara itu, penganjur perhimpunan pesawah di Putrajaya mengumumkan perubahan lokasi acara ke Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) susulan lawatan Presiden Indonesia esok.

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) menegaskan bahawa peserta mereka tidak bertujuan untuk membuat huru-hara, lebih-lebih lagi ketika negara menerima kunjungan tetamu rasmi.

“Lokasi kunjungan dan sidang media diubah ke KPKM pada tarikh dan waktu yang sama,” menurut kenyataan organisasi itu.

“Sepuluh orang wakil dari pelbagai negeri akan tetap ke Pejabat Perdana Menteri (PMO) untuk menyerahkan memorandum dengan kawalan polis,” tambah kenyataan itu.

Kerajaan terbuka terima cadangan pesawah tingkat harga padi

KLANG – Kerajaan bersikap terbuka menerima pandangan semua pihak termasuk pesawah berhubung isu belian harga padi.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pesawah mempunyai hak untuk memberi sebarang cadangan menerusi memorandum yang akan dihantar ke Pejabat Perdana Menteri hari ini.

“Tidak mengapa itu hak mereka untuk menghantar memorandum dan sebagainya dan kita akan ikuti dengan perbincangan secara intensif dengan semua pihak.

“Sampai sidang Parlimen akan datang kita akan buat beberapa pengumuman di situ,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengulung perbahasan Pidato Presiden sempena Konvensyen Amanah 2024 yang berlangsung di sebuah hotel di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Mohamad Sabu berkata, perbincangan lanjut sedang dilakukan KPKM bersama Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

“Kita akan buat beberapa penambahan dan peningkatan. Sekarang saya tidak umum kerana ianya masih belum siap, (mungkin) akan umum dalam sidang Parlimen akan datang,” ujarnya.

Difahamkan kira-kira 1,000 pesawah dijangka hadir ke Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya hari ini bagi me-

nyerahkan memorandum berkaitan isu harga belian padi yang disifatkan amat rendah ketika ini.

Sebelum ini pesawah di negeri-negeri di utara merayu kerajaan segera mencari penyelesaian berkaitan isu belian harga padi memandangkan musim menuai akan tiba tidak lama lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Ishak Taib, 60, berkata, ketika ini, ada beberapa kawasan sudah menuai dan isu itu perlu diselesaikan selewat-lewatnya dalam tempoh 10 hari.

“Ada beberapa kawasan yang sudah ‘mengerat’ (menuai) dan mereka hanya dibayar RM1,300 bagi satu tan

metrik. Disebabkan itu mereka terpaksa menanggung kerugian,” ujarnya.

Terbaharu di negeri Selangor kira-kira 4,000 pesawah di Sungai Besar di sini merungut berikutan harga belian padi turun mendadak kepada RM1,400 berbanding RM1,650 per tan pada musim lalu.

Ketua Blok C16 Parit 3 1/2 Banat, Hasbullah Samsuddin berkata, penurunan harga padi itu menjejaskan pendapatan pesawah pada musim menuai kali ini.

Menurutnya, meskipun kualiti pengeluaran padi meningkat dan kurang risiko kepada penyakit, namun penurunan harga belian padi membebankan pesawah.

Punca pelbagai masalah kepada petani dan isu harga

Dasar beras negara sudah lapuk

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamail.com.my

KANGAR: Dasar berkaitan beras negara sudah lapuk serta jauh ketinggalan berbanding negara-negara lain sekali gus menjadi punca kepada permasalahan yang membelenggu petani, pengilang dan pengguna ketika ini.

Antara kelemahan paling ketara, apabila harga beras di Malaysia masih kekal pada kadar RM2.60 sekilogram atau RM26 bagi berat 10 sekilogram yang tidak pernah disemak sejak hampir 20 tahun lalu di sebalik harga beras di negara-negara lain sudah jauh lebih tinggi.

Di Thailand harga bagi sekilogram beras RM3.70, Indonesia (RM4), Singapura (RM5), Filipina (RM4) dan Vietnam iaitu negara pengeluar beras juga mencecah RM4.60.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzuki Othman berkata, harga siling beras yang rendah itu sudah tidak sesuai dengan harga belian padi ditetapkan pada masa ini.

Katanya, masalah yang membelenggu pesawah berkaitan harga belian padi menjunam kepada RM1,300 itu juga berkait rapat dengan masalah harga beras yang rendah, dengan kebanyakan pengilang sudah tidak mampu lagi membeli padi dengan harga tinggi.

Marzuki berkata, para pengilang mencadangkan beras diseragamkan kepada satu label sahaja dengan campuran import dan tempatan seterusnya kerajaan menetapkan pada satu harga antara RM32 hingga RM34 iaitu masih jauh lebih rendah



MARZUKHI Othman (enam dari kanan) bersama para pengilang yang berharap kerajaan dapat menaikkan harga siling beras tempatan antara RM32 hingga RM34 bagi berat 10 kilogram di Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

berbanding negara lain.

Katanya, jika tidak diseragamkan harga, beras tempatan berharga RM26 itu tetap juga tidak ada di pasaran kerana para pengilang besar yang mempunyai syarikat pemborong sendiri ini sudah lama mencampurkan beras tempatan dan import seterusnya dijual pada label import dengan harga lebih RM40.

"Jika pengilang membeli padi dengan harga sehingga RM1,300 akan menyebabkan mereka terus mengalami kerugian. Harga beras bagi berat RM26 itu sebenarnya ketika harga belian padi pada masa itu sekitar RM950.

"Saya sendiri sebagai pengilang sudah mengalami kerugian sehingga mencecah RM10 juta dalam tempoh dua tahun ini, malah dua kilang saya sudah berhenti operasi.

"Disebabkan dasar yang lapuk itu lagi, hampir 100 peratus kilang-kilang beras bumiputera sudah gulung tikar iaitu daripada keseluruhan 147 buah kilang di seluruh negara, namun kini hanya tinggal tujuh bertahanan dan itu pun menanti masa untuk 'bungkus' apabila sudah tidak mampu lagi menanggung kerugian.

"Demi menjaga semua pihak (pesawah, pengilang dan pengguna), kita minta benda-benda lapuk ini disemak semula khususnya harga beras yang sudah tidak relevan dengan harga semasa belian padi," katanya.

Utusan Malaysia sebelum ini, melaporkan, himpunan yang diadakan pesawah di seluruh negara bagi menuntut harga lantai belian padi kepada RM1,800 per tan metrik bukan sekadar suka-suka, sebaliknya harapan

mereka agar kerajaan mendengar rintihan dan kesusahan golongan berkenaan.

Kata Marzuki, dasar yang lapuk itu menyebabkan pengguna ditipu apabila membeli beras 'tempatan' pada harga import di pasaran.

Katanya, di dalam kimpit beras import yang berada di pasaran mengandungi 60 peratus beras tempatan namun pengguna membayar pada harga melebihi RM40 sekampit.

"Setahun, kita hasilkan 64 peratus keperluan beras tempatan atau 1.8 hingga dua juta tan metrik manakala import pula sekitar 900 hingga 1.2 juta tan metrik setahun. Tapi disebabkan dasar yang lapuk, pengguna menikmati beras 'tempatan' pada harga import.

"Kita sudah jauh ketinggalan dengan negara lain," katanya.

Pesawah rayu campur tangan PM selesai harga padi

PETALING JAYA: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) merayu campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menyelesaikan isu berkaitan harga padi yang masih belum menemui jalan penyelesaian.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob berkata, pihaknya mahu meluahkan rasa kecewa terhadap kegagalan mencari penyelesaian bagi memastikan harga lantai padi dapat dinaikkan ke paras lebih tinggi berbanding RM1,300 ketika ini.

Beliau berharap kerajaan menghentikan proses pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman dalam persidangan Parlimen akan datang.

"Dua isu ini sangat penting, yang menentukan ke mana hala tuju dan nasib golongan pesawah. Sekarang ini kami perlu tanggung kenaikan harga benih, kos jentera membajak dan menuai, harga itu tidak dapat diterima semua pesawah yang mengusahakan tanaman padi.

"Begitu juga dengan RUU berkenaan. Petani amat bimbang mengenai keperluan pelesenan, ujian makmal untuk benih dan denda yang berat kepada mereka yang tidak mematuhi peraturan. Amalan tradisi seperti menyimpan, berkongsi dan menjual benih secara kecil-kecilan penting untuk agrobiodiversiti dan sara diri petani," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, segala isu dan persoalan kekurangan bekalan beras tempatan dan harga belian padi akan dijawab pada Sidang Dewan Rakyat yang dijadualkan Februari ini.

Abdul Rashid berkata, kos pelesenan dan ujian makmal juga dijangka membebaskan petani kecil, sekalipun ujian itu percuma di makmal kerajaan.

Tubuh jawatankuasa khas pantau kilang padi

KUALA SELANGOR: Satu jawatankuasa khas perlu ditubuhkan bagi memantau operasi kilang padi di seluruh negara dan menbanteras penyelewengan bekalan beras putih tempatan (BPT).

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Noh Omar berkata, langkah itu bagi memastikan BPT tidak 'ditukar' kepada beras import yang hanya menguntungkan pengilang.

"Siasatan perlu dijalankan terhadap mana-mana kilang padi yang menukar beras tempatan kepada beras import.

Kerajaan pasti mempunyai rekod mengenai kilang itu dan dapat segera mengambil tindakan penguatkuasaan.

"Penubuhan jawatankuasa itu boleh dilakukan dengan kerjasama beberapa kementerian lain. Pemeriksaan mengeset perlu dibuat ke atas premis yang membeli padi," katanya semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan isu kekurangan bekalan beras tempatan dan harga belian padi melibatkan sesi libat urus yang panjang dengan mengambil kira kepen-

tingan semua pihak.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan memerlukan masa bagi mencari jalan penyelesaian terbaik dengan memfokuskan kepada pihak berkepentingan sama ada pengguna, petani, pengilang dan pengedar.

Segala isu dan persoalan itu akan dibincang Mohamad bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Sidang Dewan Rakyat awal Februari ini.

Noh berkata, negara memerlukan kira-kira 13.75 juta tan

keperluan beras setiap bulan, namun isu harga beras gagal ditangani sehingga kini.

"Harga beras tempatan yang sepatutnya dijual pada RM26 kini dijual pada harga lebih tinggi mencapai RM38 setiap 10 kg (kilogram) setanding dengan harga beras import. Ini memberi keuntungan besar kepada pengilang yang boleh meraih keuntungan hampir RM165 juta sebulan," ujarnya.

Katanya, tindakan penguatkuasaan seperti menghentikan lesen belian padi perlu dilakukan segera.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2025	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Transformasi perkasa pesawah, pastikan keterjaminan makanan

• Ada pandangan menyatakan Malaysia boleh mempertahankan keterjaminan beras sebagai makanan ruji dengan bergantung kepada import

• Sudah sampai masa sektor ini dibuka secara terpimpin dengan penekanan kepada pengukuhan kapasiti petani dengan memberi harga setimpal dengan kos pengeluaran



Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia

Oleh Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Industri padi dan nasib pesawah hari ini dilihat berdepan pelbagai polemik serta kontroversi. Di satu pihak, menunjukkan komitmen untuk membantu pesawah akan tetapi di pihak lain, mendakwa pelan dan rancangan diwujudkan masih jauh daripada apa yang diharapkan pesawah.

Namun, persoalan penting yang harus diberi perhatian, mengapa pesawah perlu diperkasakan. Pada dasarnya, tanpa pesawah, industri padi dan beras tidak akan wujud. Jika pesawah tidak menerima pendapatan yang sewajarnya, mereka akan keluar daripada aktiviti ini lalu menjejaskan masa depan industri padi dan keterjaminan beras negara.

Hujah tunggal ini jelas membuktikan di antara peserta industri, pesawah adalah tiang utama sektor padi lantas memerlukan perhatian besar daripada kerajaan.

Malaysia melihat bagaimana petani koko meninggalkan kebun mereka kerana pendapatan terlalu rendah dan dibayangi sentimen tiada siapa mempedulikan nasib mereka.

Citra sama berlaku kepada petani kopi dan kelapa. Walhal koko dan kopi adalah bahan minuman popular seantero dunia terutama dalam kalangan Generasi Z.

Hari ini, paras harga bahan mentah ini sangat tinggi. Harga biji koko pernah mencecah AS\$10,000 satu tan pada April 2024 kerana masalah pengeluaran global dan harganya kini masih pada paras empat kali ganda tinggi berbanding 1990-an.

Malaysia dilihat mengabaikan peluang keemasan ini. Koko, kopi dan kelapa masih terpinggir daripada radar dasar pertanian negara. Vietnam dan Thailand pula sebaliknya. Mereka memperkasakan kapasiti petani dalam apa sahaja komoditi makanan sehingga mencapai ke tahap eksport dunia.

Namun, ada pandangan menyatakan Malaysia boleh mempertahankan keterjaminan beras sebagai makanan ruji dengan bergantung kepada import. Maka tidak menghairankan apabila import beras negara meningkat daripada purata 30 peratus dalam 1980-an kepada 40 peratus pada 2024.

Ada pandangan mendakwa Malaysia tidak perlu bimbang ke atas sektor padi negara atas hujah ia tidak memiliki daya saing berbanding dengan jiran.

Pesawah terperangkap dalam kemiskinan

Nasib pesawah terperangkap dalam kemiskinan berdekad lamanya dianggap seperti bukan agenda mendesak. Sejak 1971, ekosistem padi dan beras merudum dan menjelaskan pesawah.

Sektor pengilang dan keseluruhan industri turut mengalami deindustrialisasi serius yang mana pertumbuhan kian melemah dan teknologi ketinggalan akibat terkongkong dengan dasar

tidak menggalakkan persaingan, inovasi dan kesamarataan pendapatan dalam kalangan peserta.

Nyata, sudah sampai masa sektor ini dibuka secara terpimpin dengan penekanan kepada pengukuhan kapasiti petani dengan memberi harga setimpal dengan kos pengeluaran. Pada masa sama, pelbagai program terutama penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan teknologi perlu diperkasakan untuk mengurangkan kos.

Negara seperti China dan Vietnam meliberalisasikan sektor padi mereka dengan impak cemerlang terutama Vietnam yang kini negara pengeksport ketiga terbesar di dunia. Golongan sasaran pertama diliberalisasikan adalah sektor pesawah.

Sementara itu, di Singapura, walaupun negara itu hanya 'sekanggang kera', tetapi menduduki tangga ke-15 dalam Indeks Keselamatan Makanan Global 2022 berbanding Malaysia pada tangga ke-39. Singapura tidak boleh dijadikan model rujukan kerana ia berbeza dengan Malaysia.

Pertama, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita mereka adalah AS\$104,127, kedua tertinggi di dunia dan tujuh kali ganda berbanding Malaysia iaitu AS\$14,420 (sehingga Oktober 2024).

Kekuasaan ekonomi besar memudahkan mereka menangani risiko kejutan pasaran dunia berbanding Malaysia. 'Ibarat ada sampan, tetapi memilih untuk berenang'. Malaysia lebih memilih mengalirkan keluar mata wang untuk mengimport beras yang boleh dikeluarkan sendiri.

Kedua, penduduk Malaysia berjumlah 32.5 juta, lima kali ganda berbanding Singapura dan komposisi sosioekonomi berbeza. Hampir 6.2 peratus penduduk Malaysia berada di bawah kategori miskin. Seramai 470,000 orang miskin ini adalah petani dalam sektor makanan, manakala hampir satu juta pula adalah pekebun kecil kelapa sawit dan getah.

Hampir 90 peratus pesawah pula termasuk dalam golongan miskin. Bererti, isu ketidaksetaraan pendapatan adalah isu sosial penting perlu diatasi kerajaan.

Ketiga, Malaysia memiliki kekayaan biodiversiti luar biasa, yang kedua selepas Brazil. Akan

tetapi kekayaan biodiversiti ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk keterjaminan makanan dan eksport seperti dilakukan Thailand, India dan Vietnam.

Keempat, Singapura memfokus kepada industri bernilai tinggi seperti logistik, kewangan dan pelbagai perkhidmatan terutama perkapalan. Walaupun Malaysia mampu mempelbagaikan industri, ekonominya berfokus kepada komoditi, pembuatan dan perkhidmatan.

Ternyata, model terbaik bukan terletak di negara orang lain, tetapi di negara sendiri. Dan ia sangat mudah, dengan memulakan untuk memperkasakan pesawah kerana:

• Pesawah adalah penggerak utama industri ini

Pendapatan pesawah yang tinggi akan mengekalkan mereka dalam industri dan meningkatkan produktiviti serta pengeluaran ke arah sara diri.

Bersawah sama seperti perusahaan lain memerlukan modal berlebihan untuk melabur seperti pemerolehan mesin baharu, perisian digital dan seumpamanya untuk meningkatkan hasil.

Ia juga untuk kebajikan keluarga terutama masa depan anak-anak mereka terjamin. Bila pesawah menjadi maju dan mandiri, pertumbuhan industri padi serta beras negara menjadi stabil dan lestari.

• Ketidaksetaraan dalam sektor makanan diperbaiki

Pesawah dan petani mengisi sebahagian besar golongan B40 negara. Jika mereka miskin, maka ketidaksetaraan akan melebar. Dalam jangka masa panjang, ini merugikan sumber negara.

Pesawah berpotensi menggembungkan sumber tanah, air, benih ke arah peningkatan produktiviti. Khazanah asli negara seperti benih padi tempatan akan menerima suntikan ekonomi menguntungkan dan tidak lagi terbiar.

• Kesenambungan khazanah ilmu sawah turun menurun terjamin

Pesawah lazimnya berpengalaman lebih daripada dua ke tiga generasi. Maka khazanah warisan ilmu bersawah mereka adalah kaya dan unik yang lazimnya tidak tertulis dalam jurnal saintifik mahupun di makmal penyelidikan.

Warisan ilmu ini sangat penting untuk mewujudkan ekosistem sawah mesra alam, selari dengan tuntutan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Pemerkasaan pesawah memajukan ilmu khazanah dan generasi akan datang.

• Dasar yang betul membawa faedah ekonomi pelbagai

Ia termasuk peluang pekerjaan, keterjaminan beras, mengurangkan aliran keluar mata wang untuk mengimport yang meningkat kepada RM3.74 bilion pada 2023 berbanding RM2.7 bilion pada 2008.

Negara sebenarnya mampu menghidupkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk produk berasaskan bahan buangan padi dan beras.

Peluang nilai tambah juga tiada batasannya. Dengan R&D mantap, Malaysia berpotensi menjadi peneraju agroekologi, penanaman kalis cuaca dan pintar teknologi. Apabila pesawah dinamik, kukuh dan kuat maka negara kalis kejutan.



Bongkar taktik pindah lembu guna float kuda

BESUT – Taktik seorang lelaki cuba memindahkan seekor lembu secara haram menggunakan treler kandang atau float kuda gagal apabila berjaya dihidu pasukan penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di Kampung Tok Has di sini kelmarin.

Kenderaan pikap, Mitsubishi Triton membawa float mengandungi lembu itu ditahan pada pukul 6.45 pagi.

Pengarah JPV Terengganu, Dr. Anun Man berkata, siasatan awal mendapati lelaki berusia 40-an itu dirahan selepas dilihat memandu kenderaan Mitsubishi Triton yang menarik float kuda terbabit dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, pemeriksaan dalam float itu mendapati ia membawa seekor lembu bukan kuda seperti kebiasaan.

"Kita percaya penggunaan float kuda itu adalah modus operandi digunakan mahu memperdaya pihak berkuasa untuk pindahkan lembu ternakan secara haram.

"Ini kebiasaannya float itu hanya digunakan untuk mengangkut kuda," katanya di sini semalam.

Anun berkata, suspek juga gagal mengemukakan dokumen kebenaran memindahkan haiwan ternakan daripada JPV.

Beliau berkata, kes sedang disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 yang memperuntukan denda maksimum RM15,000 jika sabit kesalahan.

"Saya memohon agar semua pemain industri dan masyarakat peka dan sentiasa mengikut perundangan sedia ada.

"Ia bertujuan memastikan rebakan penyakit di negeri ini dapat dikurangkan," katanya.



ANGCOTA penguat kuasa JPV Terengganu sedang memeriksa float kuda yang mengandungi seekor lembu disyaki cuba dipindahkan tanpa kebenaran di Kampung Tok Has, Besut semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2025	BULETIN TV3	ONLINE	

[VIDEO] Aduan Rakyat: Premis ayam sebabkan kacau ganggu lalat disita



KUALA LANGAT: Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) menyita sebuah premis perusahaan reban ayam di Kampung Ladang Batu, Tanjong Sepat, di sini yang menjadi punca kacau ganggu lalat.

Premis terbabit juga didapati dibina tanpa mendapat kelulusan kebenaran merancang.



Yang Dipertua MPKL, Mohd Hasry Nor Mohd berkata berkata, operasi dijalankan dengan kerjasama Jabatan Veterinar, Ibu Pejabat Polis Kuala Langat, Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Kuala Langat, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat serta Jabatan Alam Sekitar Daerah Sepang.

Hasilnya, pemilik premis dikenakan tindakan sembilan notis kesalahan dan 22 notis pemberitahuan.



Katanya, antara kesalahan yang dikenal pasti dan dikenakan notis termasuklah di bawah Seksyen 82(5), Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Kacau ganggu lalat), UUK 3 Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MDKL 2007, atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan (reban ayam) tanpa lesen daripada MPKL.

“Tindakan turut diambil di bawah Seksyen 70 (13)(c), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan mendirikan struktur bangunan (Reban Ayam) tanpa kelulusan MPKL (Menjalankan Aktiviti Ladang Penternakan Ayam Tanpa Lesen).

“Kesalahan lain di bawah Seksyen 19, Akta 172 atas kesalahan mendirikan bangunan tanpa kelulusan kebenaran merancang selepas di dapati tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi menjalankan perusahaan ternakan ladang reban ayam.

“Tindakan tegas dengan memasang tali halangan (seal) di pintu masuk terhadap tiga premis berdasarkan Seksyen 101(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171),” ujarinya.



Kesihatan Daerah turut dikeluarkan.

Pemilik premis turut diarah menjalankan aktiviti pembersihan dalam tempoh 21 hari dan sepanjang itu juga pengusaha ternakan tidak dibenarkan membawa masuk bekalan ayam baharu.

Tiga notis arahan di bawah Seksyen 8 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 daripada Pejabat

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor juga menolak dua daripada tujuh permohonan premis yang berada di sekitar Batu Laut di sini, termasuk premis ini, bagi memperbaharui lesen Penternakan Unggas Sesi 2025.

Pengarahnya, Dr Hassuzana Khalil berkata, ia selepas premis berkenaan gagal mematuhi beberapa syarat permohonan, selain dikesan menjadi antara punca kacau ganggu lalat di sekitar lokasi aduan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2025	BERITA RTM	ONLINE	

Kerang terdampar bukan petanda bencana, selamat dimakan



KUALA TERENGGANU, 26 Januari- Fenomena kerang terdampar di pantai Terengganu yang tular baru-baru ini bukan suatu petanda bencana, malah ia selamat dimakan.

Pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Dr Roslizawati Ab Lah menjelaskan bahawa setiap kali musim monsun timur laut tiba, kejadian angin

kencang, ombak besar, serta struktur pantai tertentu sering menjadi punca banyak kerang terdampar di pesisir pantai.

Beliau berkata meskipun fenomena itu kelihatan luar biasa, sebenarnya ia adalah kejadian semula jadi yang lazim berlaku dan tidak perlu dirisaukan.

“Proses kerang terdampar ini berkait rapat dengan struktur geografi pantai, kekuatan ombak, serta arah dan kelajuan tiupan angin semasa musim monsun timur laut.

“Tiupan angin yang kuat dan pergerakan ombak besar membawa kerang-kerang ini ke pesisir pantai. Biasanya, kerang ini masih dalam keadaan baik dan boleh dimakan dengan selamat,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, Dr. Roslizawati mengingatkan bahawa beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh penggemar makanan laut yang ingin mengambil peluang mengutip kerang tersebut.

“Kerang yang terkumpul di pantai berkemungkinan terdedah kepada bakteria atau pencemaran air. Oleh itu, penting untuk memastikan ia dibersihkan dengan betul sebelum dimasak,” katanya menambah bahawa fenomena ini menunjukkan kepentingan ekosistem lautan dan pesisir pantai dalam mengekalkan keseimbangan alam.

Terdahulu, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Ruzaidi Mamat juga dilaporkan berkata hasil analisis makmal mengklasifikasikan kerang berkenaan sebagai Kelas B dan C, di bawah piawaian Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan (NSSP), yang perlu dimasak sempurna sebelum dimakan.

Ruzaidi menasihati orang ramai supaya memastikan kerang yang dikutip, dimasak sepenuhnya sebelum dimakan bagi mengurangkan risiko pencemaran bakteria selain menasihatkan pengambilan kerang mentah harus dielakkan terutama bagi individu dengan sistem imun yang lemah.

Sebelum ini, tular di media sosial aktiviti orang ramai menggunakan pelbagai cara seperti pukat ikan dan baldi untuk mengumpulkan hasil laut itu yang melimpah setelah terdampar di atas pasir di Pantai Sura, Dungun.- BERNAMA

#Terengganu

#UMT

#KERANG



Kerang yang terdampar di Pantai Sura, Dungun, Terengganu telah di makan oleh penduduk setempat. (FOTO: BERNAMA)

Kerang terdampar selamat dimakan

Fenomena bukan petanda bencana, ombak besar punca lambakan di pesisir pantai

Kuala Terengganu: Fenomena kerang terdampar di pantai Terengganu yang tular baru-baru ini bukanlah suatu petanda bencana, malah ia selamat dimakan.

Pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Roslizawati Ab Latiff menjelaskan bahawa setiap kali musim Monsun Timur Laut, kejadian angin kencang, ombak besar serta struktur pantai tertentu sering menjadi punca banyak kerang terdampar di pesisir pantai.

Beliau berkata, meskipun fenomena itu kelihatan luar biasa, sebenarnya ia adalah kejadian se-

mula jadi yang lazim berlaku dan tidak perlu dirisaukan.

"Proses kerang terdampar ini berkait rapat dengan struktur geografi pantai, kekuatan ombak, serta arah dan kelajuan tiupan angin ketika musim Monsun Timur Laut.

"Tiupan angin yang kuat dan pergerakan ombak besar, membawa kerang berkenaan ke pesisir pantai. Biasanya, kerang itu masih dalam keadaan baik dan boleh dimakan dengan selamat," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Bagaimanapun, Dr Roslizawati mengingatkan bahawa beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh penggemar makanan laut yang ingin mengambil peluang mengutip kerang berkenaan.

Terdapat kerang bakteria

"Kerang yang terkumpul di pantai berkenungkinan terdapat kepada bakteria atau pencemaran air. Oleh itu, penting untuk memastikan ia dibersihkan dengan betul sebelum dimasak," katanya menambah bahawa fenomena ini menunjukkan kepentingan ekosis-

tem lautan dan pesisir pantai dalam mengekalkan keseimbangan alam.

Terdahulu, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat juga dilaporkan berkata, hasil analisis makmal mengklasifikasikan kerang berkenaan sebagai Kelas B dan C, di bawah Jawatan Program Sanitasi Korang, Kerangan, Kebangsaan (NSSP), yang perlu dimasak semula sebelum dimakan.

Ruzaidi menasihati orang ramai supaya memasak kerang yang dikutip, dimasak sepenuhnya sebelum dimakan bagi mengurangkan risiko pencemaran bakteria. Selain menasihati pengambilan kerang mentah harus dielakkan, terutama bagi individu dengan sistem imun yang lemah.

Sebelum ini, tular di media sosial aktiviti orang ramai menggunakan pelbagai cara seperti pukat ikan dan baldi untuk mengumpul hasil laut itu yang melimpah selepas terdampar di atas pasir di Pantai Sura, Dungun, BERNAMA

Kerang terdampar bukan petanda bencana

- **Pakar perikanan menyatakan ia fenomena biasa**
- **Disebabkan kombinasi angin kencang dan ombak besar**

Oleh NORISMA NAJWA
CHE ISMAIL

PETALING JAYA – Musim Monsun Timur Laut mempunyai keunikannya tersendiri apabila ia menjadi punca fenomena kerang terdampar di Terengganu dan ia bukannya satu petanda buruk seperti bencana alam akan berlaku.

Kelajuan yang sering berlaku setiap tahun ini disebabkan oleh kombinasi angin kencang, ombak besar dan bentuk geografi pantai

di negeri itu yang unik.

Menurut Pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Roslizawati Ab Lah, fenomena itu adalah proses semula jadi yang sering berlaku pada musim monsun dan bukan petanda kepada sebarang bencana.

"Proses terdamparnya kerang di pantai ini berkait rapat dengan struktur geografi pantai, tekuan ombak, serta arah dan kelajuan tupan angin semasa musim Monsun Timur Laut. Biasanya, kerang-kerang ini masih dalam keadaan baik dan selamat untuk dimakan," jelasnya.

Beliau turut menasihatkan penduduk tempatan dan pelancong yang ingin mengutip kerang agar memastikan kerang tersebut dibersihkan dengan teliti sebelum dimasak, kerana ia berkemungkinan terdedah kepada bakteria atau pencemaran air laut.

Selain menjadi tarikan, fenomena ini turut memberi peluang kepada orang ramai untuk memahami kepentingan ekosistem lautan dan peranan pesisir pantai dalam menjaga keseimbangan alam.

"Fenomena ini bukan sesuatu yang perlu ditakuti, tetapi lebih kepada gambaran tentang keunikannya proses alam yang berlaku setiap tahun," tambah Dr. Roslizawati.

Dr. Roslizawati turut menegaskan, kerang-kerang ini perlu dibersihkan dan dimasak dengan baik untuk dinikmati dengan selamat serta fenomena ini bukan untuk ditakuti, tetapi untuk dihargai sebagai keunikan alam sekitar Terengganu.

Beberapa minggu lalu, Pantai Sura di Dungun, Terengganu menjadi perhatian apabila banyak kerang terdampar sehingga menjadi buruan orang ramai.

ORANG ramai berpusu-pusu mengutip kerang di Pantai Sura, Dungun, Terengganu baru-baru ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	14

Kerang terdampar di pantai bukan petanda bencana bakal berlaku

Oleh AIMAN ALI
aiman.ali@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerang terdampar di pesisir pantai Terengganu adalah fenomena alam biasa apabila angin kencang, ombak besar dan struktur pantai berubah berlaku.

Pensyarah di Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Roslizawati Ab. Lah berkata, fenomena itu bukan petanda sesuatu yang buruk bakal berlaku, sebaliknya ia sebahagian daripada proses yang berlaku hampir setiap tahun semasa musim monsun.

Jelasnya, kerang-kerang yang terdampar di pantai Terengganu itu juga selamat untuk dimakan.

"Proses terdamparnya kerang di pantai ini berkait rapat dengan struktur geografi pantai, kekuatan ombak serta arah dan kelajuan tiupan angin semasa musim Monsun Timur Laut.



ORANG ramai mengutip kerang di Pantai Sura, Dungun, Terengganu baru-baru ini. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

"Tiupan angin yang kuat dan pergerakan ombak yang besar membawa kerang-kerang ini ke

pesisir pantai. Biasanya kerang-kerang ini boleh dimakan dengan selamat," katanya.

Pada 15 Januari lalu, tular video menunjukkan orang ramai mengumpul kerang yang

terdampar di Pantai Sura, Dungun.

Roslizawati berkata, bagi penduduk setempat dan pelancong yang gemar menikmati makanan laut, fenomena ini memberikan peluang untuk mereka mengutip kerang-tetapi terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian.

"Kerang-kerang yang terkumpul di pantai mungkin terdedah kepada bakteria atau pencemaran air, jadi adalah penting untuk memastikan kerang tersebut dibersihkan dengan betul sebelum dimasak.

"Fenomena ini turut memberi gambaran tentang betapa pentingnya ekosistem lautan dan pesisir pantai dalam menjaga keseimbangan alam. Kerang-kerang yang terdampar bukanlah sesuatu yang perlu ditakuti tetapi lebih kepada proses semula jadi yang berlaku akibat perubahan cuaca dan alam sekitar," katanya.

Kerang terdampar bukan petanda bencana: Pakar

Kuala Terengganu: Fenomena kerang terdampar di pantai Terengganu yang tular baru-baru ini bukan suatu petanda bencana, malah ia selamat dimakan.

Pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Dr Roslizawati Ab Lah menjelaskan bahawa setiap kali musim monsun timur laut tiba, kejadian angin kencang, ombak besar, serta struktur pantai tertentu sering menjadi punca banyak kerang terdampar di pesisir pantai.

Beliau berkata meskipun fenomena itu kelihatan luar biasa, sebenarnya ia kejadian semula jadi yang lazim berlaku dan tidak perlu dirisaukan.

"Proses kerang terdampar ini berkait rapat dengan struktur geografi pantai, kekuatan ombak, serta arah dan kelajuan tiupan angin semasa musim monsun timur laut."

"Tiupan angin yang kuat dan pergerakan ombak besar membawa kerang-kerang ini ke pesisir pantai. Biasanya, kerang ini masih dalam keadaan baik dan boleh dimakan dengan selamat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bagaimanapun, Dr Roslizawati mengingatkan bahawa beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh penggemar makanan laut yang ingin mengambil peluang mengutip kerang tersebut.

"Kerang yang terkumpul di pantai berkemungkinan terdedah kepada bakteria atau pencemaran air. Oleh



Tiupan angin yang kuat dan pergerakan ombak besar membawa kerang-kerang ini ke pesisir pantai. Biasanya, kerang ini masih dalam keadaan baik dan boleh dimakan dengan selamat"

Dr Roslizawati Ab Lah

mat juga dilaporkan ber-kata hasil analisis makmal mengklasifikasikan kerang berkenaan sebagai Kelas B dan C, di bawah piawaian Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan (NSSP), yang perlu dimasak sempurna sebelum dimakan.

Ruzaidi menasihati orang ramai supaya memastikan kerang yang dikutip, dimasak sepenuhnya sebelum dimakan bagi mengurangkan risiko pencemaran bakteria selain menasihatkan pengambilan kerang mentah harus dielakkan terutama bagi individu dengan sistem imun yang lemah.

Sebelum ini, tular di media sosial aktiviti orang ramai menggunakan pelbagai cara seperti pukat ikan dan baldi untuk mengumpulkan hasil laut itu yang melimpah setelah terdampar di atas pasir di Pantai Surra, Dungun.



PENGUNJUNG mengutip kerang di Pantai Surra. Ribuan menyebarkan pantal itu dikunjugi ratusan orang ramai yang berpeluang mengutip hidupan marin berkenaan. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

itu, penting untuk memastikan ia dibersihkan dengan betul sebelum dimasak," katanya menambahkan bahawa fenomena ini menunjukkan kepentingan ekosistem lautan dan pesisir pantai dalam mengekalkan keseimbangan alam.

Terdahulu, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Ruzaidi Ma-



ORANG ramai berpusu-pusu ke pantai bersama ahli keluarga membawa pelbagai peralatan termasuk sauk, jaring dan baldi untuk mengutip kerang.